

## Pembubaran Perkahwinan Secara Khuluk dan Kesannya ke atas Tempoh Idah

Marriage Termination by Khuluk and Its Effects on the Period of Idah

ZAINI NASOHAH

### ABSTRAK

*Salah satu cara pembubaran perkahwinan dalam Islam ialah apa yang dikenali sebagai khuluk. Para ulama fiqh bagaimanapun mempunyai pendapat yang berbeza-beza dalam menentukan kedudukan khuluk ini iaitu sama ada ianya talak ataupun fasakh. Perbezaan tersebut memberi kesan kepada tempoh idah seseorang wanita yang dicerai. Artikel ini akan mengemukakan nas-nas dari ayat-ayat Quran, al-Sunnah dan juga pendapat-pendapat di kalangan ulama fiqh berhubung khuluk serta kaitannya dengan penentuan tempoh idah. Perbincangan ini merangkumi pemerhatian terhadap kes yang dilaporkan di Mahkamah Syariah di Malaysia.*

*Kata kunci: Perkahwinan, khuluk, idah, undang-undang keluarga, perceraian*

### ABSTRACT

*A type of the termination of marriage in Islam is known as khuluk. The muslim jurists however differ in determining the nature of khuluk whether it is talak or fasakh. Their differences of opinions then gave an effect on idah period for divorced women. This article attempts to present the relevant Qur'anic verses, the Traditions of the Prophet and the opinions of Muslim jurists regarding the khuluk and its relation to the period of iddah. This discussion will includes some observations of reported cases in the Syariah Court in Malaysia.*

*Keywords: Marriage, khuluk, idah, family law, divorce*

### PENDAHULUAN

Khuluk merupakan salah satu kaedah pembubaran perkahwinan yang diharuskan oleh syarak. Menerusinya, seseorang isteri itu boleh melepaskan dirinya daripada ikatan perkahwinan dengan memenuhi syarat-syarat tertentu sekiranya wujud keadaan-keadaan yang memerlukan. Khuluk atau dalam bahasa Melayu dipanggil tebus talak pada dasarnya merupakan suatu kaedah pembubaran perkahwinan di mana pihak isteri perlu membayar sesuatu kepada suami sebelum suami bersetuju menjatuhkan talak, seperti memulangkan mas kahwin atau memberi sejumlah wang atau harta. Walau bagaimanapun, kita akan melihat lebih jelas pengertiannya sebagaimana yang dibahasakan oleh para ulama fikah.

### PENGERTIAN KHULUK

#### KHULUC<sup>c</sup> MENURUT BAHASA

al-Khuluk ( الخُلُوع ), iaitu dengan membariskan huruf *kha* ( خ ) dengan baris depan bererti tanggal dan menghilangkan (al-Zuhayli 1989: 480). Ia diambil

dari *khala'a al-thawb* ( خلع الثوب ) iaitu menanggalkan pakaian kerana kedua suami isteri adalah pakaian kepada satu sama lain (al-Sharbini 1966: 82). Suami isteri dikatakan sebagai pakaian di antara satu sama lain kerana keduanya telah disifatkan sedemikian melalui firman Allah yang bermaksud:

Mereka itu adalah pakaian bagi kamu dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka. (al-Baqarah 2: 197)

Makna tanggal atau menghilangkan tersebut kemudiannya disamakan juga pengertiannya sebagai seorang lelaki melepaskan isterinya atau seorang perempuan melepaskan suaminya. Lepas di sini bermaksud membebaskan diri dari ikatan perkahwinan.

### KHULUK MENURUT ISTILAH SYARAK

Istilah khuluk telah ditafsirkan oleh para ulama fikah dengan pelbagai maksud. Namun begitu, kesemua tafsiran mereka membawa erti dan tujuan yang sama. Menurut Imam al-Shafie, khuluk ialah perceraian dengan bayaran ganti dengan menggunakan lafaz talak atau khuluk, seperti berkata suami kepada isteri: saya talakkan kamu atau saya khulukkan kamu

dengan bayaran sekian, maka diterima oleh isterinya (al-Sharbini 1997: 262). Menurut Imam Abu Hanifah pula, khuluk ialah menghilangkan milik nikah atas penerimaan wanita dengan menggunakan lafaz khuluk atau perkataan lain yang sama maknanya (al-Jaziri 2000: 387). Berdasarkan pengertian oleh Imam Abu Hanifah ini, khuluk boleh berlaku walaupun tanpa wujud balasan atau bayaran ganti. Apa yang ditekankan adalah wujudnya lafaz khuluk itu sendiri.

Imam Malik pula mentakrifkan khuluk sebagai talak dengan bayaran ganti, sama ada dibayar oleh isteri atau selain darinya, dari walinya atau selain darinya, atau perceraian dengan lafaz khuluk (al-Zuhayli 1989: 480). Berdasarkan takrifan tersebut dapat difahami bahawa Imam Malik membahagikan pengertian khuluk kepada dua. Pertama ialah khuluk sepertimana yang lazim difahami iaitu perceraian dengan adanya bayaran ganti. Manakala yang kedua pula ialah apa yang sabit dengan menggunakan lafaz khuluk walaupun tidak terdapat padanya sesuatu sebagai bayaran ganti. Misalnya, seorang suami berkata kepada isterinya: “Saya khulukkan kamu” atau “Kamu lakukan khuluk” (al-Zuhayli 1989: 480).

Menurut Imam Ahmad Ibn Hanbal, khuluk ialah perpisahan di antara suami isteri dengan bayaran ganti yang diambil daripada isteri atau selain darinya dengan menggunakan lafaz yang khusus (al-Zuhayli 1989: 481). Sementara Imam Muhammad bin Ismail Al-Kahlani pula mentakrifkan khuluk sebagai menceraikan isteri dengan imbalan harta (al-Kahlani 1960: 166).

Jelas berdasarkan takrifan-takrifan di atas, hampir kesemua fuqaha meletakkan unsur wujudnya balasan, imbalan atau bayaran ganti untuk menjadikan khuluk itu berlaku. Walau bagaimanapun terdapat sebahagian fuqaha yang turut mengkategorikan sesuatu perceraian itu sebagai khuluk sekiranya lafaz khuluk itu digunakan semasa perceraian walaupun tanpa wujudnya unsur balasan.

Selain istilah khuluk, perceraian dengan cara ini juga dikenali sebagai *fida* (فداء) atau tebusan kerana isteri meminta cerai daripada suaminya dengan membayar sejumlah bayaran atau tebusan (al-Sharbini 1966: 95). Istilah khuluk juga dikenali sebagai ‘tebus talak’ ataupun talak yang dibeli oleh isteri dari suaminya kerana terdapat beberapa hal yang tidak menyenangkan isteri terhadap suaminya (Idris 1960: 259). Istilah tebus talak inilah juga yang lazim difahami dan digunakan oleh masyarakat Islam di Malaysia.

Unsur-unsur berlakunya khuluk jelas dapat dilihat daripada fakta kes tuntutan perceraian secara khuluk

yang difailkan di mahkamah-mahkamah. Khuluk akan berlaku apabila timbul situasi di mana suami tidak mahu menceraikan isterinya dengan kuasa talak yang ada padanya. Sedangkan isteri pula amat bersungguh-sungguh dengan kehendaknya supaya dilepaskan dari ikatan perkahwinan tersebut. Ia boleh berpunca daripada hilangnya rasa kasih sayang dan hormat pada suami, sudah tidak tahan lagi untuk hidup bersama, merasa benci apabila memandang wajah suami atau alasan-alasan lain.

Oleh kerana kemahuan yang nekad itulah, secara logik dan praktikalnya maka seorang isteri sanggup membayar tebusan kepada suami sama ada dari mahar yang pernah diterima dari suaminya itu atau sesuatu harta yang lain supaya dia diceraikan oleh suami secara sah dan diakui oleh syarak. Walau bagaimanapun, khuluk tidak dibolehkan hanya semata-mata kerana kemahuan isteri sekalipun isteri tersebut mampu untuk membayar sejumlah tebusan atau bayaran tinggi. Sebaliknya ia hanya diharuskan dalam perkara-perkara yang dibenarkan oleh syarak.

#### DALIL PENSYARIATAN KHULUK

Khuluk adalah diharuskan apabila manusia memerlukannya dengan wujudnya *shiqaq* ataupun perselisihan dan tidak ada lagi persetujuan di antara suami isteri. Khuluk juga diharuskan apabila isteri merasa benci kepada suaminya dan tidak senang lagi untuk terus hidup bersamanya disebabkan oleh kejadian fizikalnya atau akhlakinya atau agamanya atau sebab lain yang menyebabkan isteri tersebut tidak lagi mampu menunaikan perintah Allah supaya mentaati suaminya (al-Zuhayli 1989: 480). Keharusan tersebut adalah berdasarkan kepada dalil-dalil Quran, hadis Rasul s.a.w. dan ijmak.

#### DALIL DARI QURAN

Sebagaimana yang dimaklumi, terdapat beberapa ayat di dalam Quran yang menyentuh tentang talak. Di sebalik ayat-ayat yang menerangkan hukum talak tersebut, terdapat keterangan tentang keharusan tebus talak atau khuluk. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah bermaksud:

Talak (yang boleh dirujuk) dua kali. Setelah itu bolehlah ia (rujuk dan) dipegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau dilepaskan (diceraikan) dengan cara yang baik. Dan tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu yang telah kamu berikan kepada mereka, (Isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali kalau kedua-duanya

(suami isteri) kluatir tidak dapat menegakkan peraturan-peraturan hukum Allah. Jika kamu kluatir bahawa kedua suami isteri tidak dapat menunaikan hukum-hukum Allah, maka tidak ada dosa atas keduanya tentang balasan yang diberikan oleh isterinya untuk menebus dirinya. Itulah hukum-hukum Allah. Maka janganlah kamu melanggar hukum-hukum Allah. Barang siapa yang melanggar hukum-hukum Allah, mereka itulah orang-orang yang zalim. (al-Baqarah 2: 229)

Ayat di atas menyebut bahawa perceraian (yang boleh dirujuk) itu adalah dua kali. Setelah itu hanya boleh dirujuk lagi dengan cara yang makruf atau menceraikan dengan cara yang baik. Allah menyebutkan bahawa ‘pemberian’ yang diberikan oleh suami kepada isterinya adalah haram untuk diambil kembali. Namun sesudah itu disebutkan pula satu kekecualian iaitu dibenarkan hanya ketika kedua-dua suami isteri itu tidak dapat menegakkan hukum-hukum Allah di antara kedua-duanya.

Maka dalam keadaan inilah suami dibolehkan mengambil suatu harta dari isterinya sebagai ganti melepaskan isterinya dari ikatan perkahwinan. Menurut Imam Malik, Imam Shafie, Imam Abu Hanifah dan Abu Thur, dihalalkan bagi suami menerima apa-apa bayaran yang dipersetujui oleh isteri sama ada kurang daripada mas kahwin atau melebihi mas kahwinnya (al-Ghandur 1967: 262). Di samping itu, terdapat juga firman Allah dalam ayat lain yang menerangkan tentang hukum khuluk:

Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baru) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telah pun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun daripada harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (menyebabkan) dosa yang nyata? (al-Nisa’ 4: 20)

Ayat di atas secara jelas menegah suami mengambil harta daripada isterinya dengan maksud hendak menceraikannya jika nusyuz yang berlaku adalah berpunca dari suami. Ayat tersebut juga melarang suami dari bertindak zalim dan menganiaya isterinya dengan tujuan supaya isterinya itu berusaha menebuskan diri apabila suami bercadang hendak menggantikan isterinya itu dengan isteri yang lain, sedangkan pada hakikatnya, isteri yang dizalimi itu tidak mempunyai sebarang niat untuk berpisah dengan suaminya.

Kedua-dua ayat yang dibawakan di atas merupakan sandaran dan sumber kepada keharusan hukum ‘tebus talak’ di samping hadis-hadis dan ijmak ulama yang

yang akan dibincangkan. Namun begitu, terdapat ulama yang tidak bersetuju tentang berterusnya pencyariatan ‘tebus talak’ atau khuluk ini dengan alasan bahawa ayat 229 dalam surah al-Baqarah yang dinyatakan di atas telahpun dinasakhkan oleh ayat 20 dan 21 dari surah al-Nisa’:

Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baru) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telah pun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun daripada harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (menyebabkan) dosa yang nyata? Dan bagaimana kamu tergamak mengambilnya kembali (pemberian itu) pada hal kasih mesra kamu itu terjalin antara satu sama lain dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu? (al-Nisa’ 4: 20-21)

Pendapat ini adalah pendapat Abu Bakar b. Abdullah al-Muznyy. Walau bagaimanapun jumhur ulama menegakkan bahawa larangan mengambil mana-mana pemberian yang diberi kepada isteri itu ialah jika tanpa kerelaannya, tetapi jika dia rela maka hukumnya adalah harus. Menurut riwayat Said Ibn al-Musayyab, khuluk itu dianggap talak khuluk *raj’iyy* dan wajib ke atas suami memulangkan bayaran ganti yang telah diambil pada masa dia merujuk isterinya yang di khuluk itu (Hassan 1989: 167). Ini bermakna khuluk adalah satu cara perceraian di antara suami isteri yang wujud secara sah menurut syarak.

Berdasarkan kepada dalil dan alasan-alasan yang digunakan oleh golongan yang mengharuskan khuluk sama ada dengan sebab tertentu atau tidak, maka tertolaklah pendapat golongan yang mengatakan bahawa hukum khuluk itu telah dinasakhkan. Jumhur berpegang kepada kedua-dua dalil dari surah al-Baqarah, ayat 229 dan surah al-Nisa’, ayat 20, di samping ayat-ayat lain sebagai sandaran kepada keharusan khuluk dalam Islam. Manakala perbezaan pendapat dalam mentafsirkan maksud ayat “Sekiranya kamu kluatir tidak dapat menjalankan hukum-hukum Allah”, tidak menghalang kedua-dua golongan yang berselisih itu untuk terus berpegang kepada keharusan pelaksanaan hukum khuluk dalam Islam.

#### DALIL DARI HADIS NABI S.A.W.

Terdapat banyak hadis yang menunjukkan kepada pencyariatan khuluk. Keseluruhan hadis tersebut menceritakan tentang isteri Thabit bin Qais bin Syammas yang menuntut khuluk dari suaminya,

melalui periwayatan yang berbeza (al-Nasa'i: 168). Isteri Thabit itu dalam sesetengah hadis disebutkan sebagai Jamilah binti Salul, menurut orang-orang Madinah, ada yang mengatakan Habibah binti Sahl sepertimana menurut orang-orang Basrah dan mengikut Abi Zubair pula perempuan tersebut dikenali sebagai Zainab. Sementara hadis riwayat al-Rabi' dalam Ibn Majah dan al-Nasa'i pula menyebutnya sebagai Maryam. Walau bagaimanapun, keseluruhan riwayat tentang isteri Thabit ini adalah hampir sama. Antaranya ialah apa yang diriwayatkan oleh Imam Nasa'i dan lainnya daripada Ibn Abbas (al-Dhahabi 1968: 307-308) yang bermaksud:

Bahawa isteri Thabit b. Qais telah datang kepada Nabi s.a.w, ia berkata: Ya Rasul Allah, aku tidak mengingkari Thabit b. Qais disebabkan oleh akhlaknya dan tidak pula kerana agamanya. Tetapi aku benci kekufuran dalam Islam. Maka Rasul s.a.w, bersabda: Apakah kamu sanggup mengembalikan kebunnya. Jawab isteri Thabit: Ya. Lalu Rasul s.a.w, bersabda (kepada Thabit) terimalah kebun itu dan talakkanlah dia dengan satu talak (al-Nasa'i: 169)

Kebun yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w di dalam hadis di atas adalah kebun yang diberikan oleh Thabit bin Qais kepada isterinya sebagai mahar perkahwinan mereka. Thabit bin Qais dalam hadis yang dinyatakan adalah tokoh sahabat, seorang khatib terkenal di kalangan orang Ansar dan khatib Nabi s.a.w. Beliau berasal dari suku Khazraj, turut bertempur dalam perang Uhud dan peperangan-peperangan lainnya. Rasulullah s.a.w sendiri pernah mengakui bahawa Thabit akan masuk syurga. Maka dengan sebab itulah isterinya mengadu kepada Rasulullah bahawa dia tidak membenci suaminya Thabit bin Qais kerana agamanya mahupun kerana akhlaknya.

Tetapi badan Thabit bin Qais itu sebenarnya menurut hadis riwayat Ibnu Majah dari Amru bin Syuib, berbau busuk (Ibn Majah t.th: 663). Perawakannya pula buruk dan menyeramkan, sehingga isterinya itu kluatir akan derhaka kepadanya sekiranya mereka terus berdampingan sebagai suami isteri. Hakikatnya, hal inilah yang dimaksudkan oleh isteri Thabit itu sebagai "saya benci akan kekufuran dalam Islam," kerana bimbang akan timbulnya sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti nusyuz dan sebagainya. Ini jelas dapat dilihat melalui kata-kata Jamilah, isteri Thabit bermaksud, "Kalaulah tidak kerana takut kepada Allah, setiap kali dia mencampuriku, nescaya akan ku ludah mukanya" (Ibn Majah t.th: 663).

Peristiwa tersebut merupakan pelaksanaan hukum khuluk yang pertama dalam sejarah Islam walaupun

terdapat pendapat yang mengatakan bahawa khuluk itu sudah terjadi semasa zaman jahiliyyah. Ada yang menyatakan bahawa dalam satu peristiwa, Amir b. al-Harith telah mengahwinkan anak gadisnya dengan anak saudaranya, Amir b. Zharib. Apabila isterinya itu masuk ke rumah Amir mendapatkan suaminya, seketika kemudian dia melarikan diri. Kejadian ini diadukan oleh Amir kepada mertuanya. Maka dijawab oleh mertuanya, "Aku juga tidak setuju kau kehilangan isterimu dan hartamu. Maka biarlah aku pisahkan dia dari kamu dengan mengembalikan apa yang pernah kamu berikan kepadanya" (al-Sayyid Sabil 1971: 94).

Apapun, dapat difahami secara umum daripada hadis Thabit yang dibawakan sebelum ini bahawa pembubaran perkahwinan menerusi khuluk tidak memerlukan kepada wujudnya unsur pecah belah dalam perkahwinan sebagai alasan untuk bercerai. Oleh kerana itu, khuluk boleh dijadikan kaedah untuk bercerai jika pembubaran tidak dapat dilakukan menerusi talak biasa, taklik ataupun fasakh.

#### DALIL IJMAK

Jumhur ulama sepakat tentang wujudnya pensyarian khuluk kecuali Abu Bakar bin Abdullah al-Muzniyy yang bersetuju asalnya tetapi menentang berterusannya hukum khuluk dengan adanya ayat 20 dan 21 surah al-Nisa' (Mustafa Shalabi 1977: 531). Keharusan melakukan khuluk ini dikuatkan dengan kata-kata Imam Malik yang bermaksud:

Aku sentiasa mendengar perkara ini daripada ahli ilmu, kami sepakat tentang ini, iaitu seorang lelaki yang tidak menyiksa isterinya dan tidak menyakitinya lalu isterinya hendak berpisah dari suaminya, maka ketika itu halal bagi suaminya mengambil contoh daripada Thabit b. Qais. Sebaliknya jika suami yang menyiksa isterinya maka suami mesti mengembalikan semua apa yang dari isterinya. (al-Qurtubi 1967: 39)

Manakala menurut Imam Shafie pula, khuluk itu hukum asalnya adalah makruh sepertimana hukum talak (al-Jaziri 2000: 353). Ijmak fuqaha tentang pensyarian hukum khuluk adalah bersandarkan kepada dalil dari al-Quran dan al-Sunnah sepertimana yang telah diterangkan sebelum ini. Maka jelaslah bahawa khuluk itu adalah diharuskan dalam perundangan Islam. Ia merupakan satu keistimewaan yang menjadi hak isteri dalam sesuatu perkahwinan, berbeza dengan suami yang dikurniakan kuasa talak. Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya. (al-Baqarah 2: 228)

Ayat tersebut menerangkan bahawa para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya. Maka dengan sebab itu jugalah wanita diberi hak yang sama seperti yang dimiliki oleh lelaki, menurut peraturan-peraturan tertentu dengan penuh keadilan sejajar dengan sifat Allah yang Maha Adil lagi Maha Penyayang.

#### KEDUDUKAN KHULUK

Para ulama fikah berbeza pendapat dan pandangan dalam menentukan sama ada khuluk dari kategori talak ataupun fasakh. Perbezaan pandangan ini turut memberi kesan secara langsung kepada tempoh idah wanita yang diceraikan. Ini kerana setiap jenis pembubaran perkahwinan mempunyai tempoh idah yang berbeza. Ruang lingkup perbahasan ulama fikah dalam perkara ini boleh dikategorikan seperti berikut:

#### KHULUK SEBAGAI TALAK

Bagi yang menganggap khuluk sebagai talak, mereka berselisih pula dalam menentukan jenis talak tersebut. Perselisihan itu adalah berkisar pada tiga pendapat, iaitu khuluk sebagai talak *ba'in*, khuluk sebagai talak *raj'iy* dan khuluk sebagai talak *ba'in* yang bertukar kepada talak *raj'iy*.

#### *Khuluk Sebagai Talak Ba'in*

Menurut pendapat mazhab Hanafi, Maliki, satu pendapat dari mazhab Shafie yang rajih serta satu riwayat dari Imam Ahmad, khuluk itu adalah talak *ba'in* sekalipun tanpa balasan atau niat (al-Zuhayli 1989: 504). Pendapat mereka ini adalah berdasarkan kepada firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 229. Bagi mereka, ayat berkenaan membawa maksud bahawa tukar ganti itu berlaku dengan keluarnya wanita (isteri) itu dari kekuasaan lelaki (suami). Sebaliknya kalaulah tidak kerana tebusan itu, wanita tersebut tidak akan terkeluar dari kekuasaan suaminya, dan tentulah suami masih berhak untuk rujuk (al-Zuhayli 1989: 505). Maka sebab itulah dikatakan khuluk adalah talak *ba'in* iaitu yang tidak boleh dirujuk lagi.

Hujah ulama mazhab Hanafi dalam mengatakan khuluk itu talak *ba'in* adalah kerana perkahwinan tidak akan terfasakh setelah sempurnanya akad.

Mazhab Maliki berhujah dengan mengutarakan pendapat bahawa sesungguhnya fasakh itu adalah perpisahan yang dituntut oleh isteri terhadap suaminya berdasarkan kepada keputusan dan kuasa yang ada pada kadi. Sedangkan khuluk berlaku berdasarkan kepada persetujuan suami (al-Zuhayli 1989: 505). Hujah mereka ini diperkuatkan lagi dengan adanya riwayat daripada Ibn Abbas dari Rasulullah s.a.w yang bersabda terhadap Thabit setelah isterinya bersetuju untuk memulangkan kebun yang dijadikan mahar perkahwinan kepada suaminya semula sebagai tebusan untuk diceraikan iaitu "terimalah kebun itu dan talakkan dia dengan satu talak" (al-Nasa'i t.th: 168).

Nafi pula meriwayatkan dari Imam Malik dalam peristiwa khuluk yang diminta oleh al-Rubayyi' binti Mu'awwiz, bahawa sesungguhnya idah perempuan yang diceraikan secara khuluk itu adalah sama dengan kedudukan idah mereka yang ditalak (Ibn Rushd 1960: 41).

Manakala pendapat yang lebih sahih menurut mazhab Hanbali pula menyatakan, khuluk adalah termasuk dalam kategori talak *ba'in* jika ia dilakukan dengan menggunakan lafaz *al-khul'u* ( الخلع ), *al-mufadat* ( المفادة ) atau yang seumpama dengannya (al-Zuhayli 1989: 505).

#### *Khuluk Sebagai Talak Raj'iy*

Pendapat kedua iaitu yang mengatakan khuluk adalah talak *raj'iy* dipelopori oleh Sa'id al-Musayyab, golongan al-Zahiriyyah dan Ibn Hazm. Mereka berpendapat bahawa talak *ba'in* hanya berlaku dalam dua keadaan iaitu pada talak tiga dan talak dari suami kepada isteri yang belum disetubuhi sahaja. Selain daripada keadaan-keadaan tersebut ia dikira sebagai talak *raj'iy*. Walau bagaimanapun, jumhur telah menolak pendapat ini. Menurut Ibn Taimiyah, pendapat ini tidak tepat kerana maksud perkataan *al-iftida'* tidak terhasil melainkan disertai dengan bercerai (Ibn Rushd 1960: 597; Zaydan 2000: 221).

#### *Khuluk Sebagai Talak Ba'in yang Menjadi Talak Raj'iy*

Hukum asal khuluk menurut ulama al-Zaidiyyah adalah talak *ba'in* tetapi bertukar kepada talak *raj'iy* setelah tidak melengkapinya syarat-syaratnya. Abd. Rahman al-Sabbuni yang memetik dari kitab *al-Taj al-Madhhab* menyatakan, apabila rosak atau tidak memenuhi ukuran yang diperlukan dalam syarat khuluk selepas berlakunya penerimaan, maka jadilah ia sebagai talak *raj'iy*. Contohnya:

1. Suami menceraikan isterinya tanpa balasan di dalam majlis akad.
2. Balasan yang bukan terdiri dari bentuk harta, seperti manfaat dan sebagainya.
3. Apabila balasan itu bukan terdiri dari cadangan isterinya atau bukan dikemukakan oleh isterinya, maka jadilah ia talak *raj'iy*.
4. Isteri yang dihuluk itu bukanlah dari kalangan ahli *tasarruf*.
5. Jika balasan yang diberikan itu lebih tinggi daripada mahar (Ibn Rushd 1960: 601).

Golongan Ja'fariyyah berhubung perkara ini berpendapat, khuluk itu pada asalnya adalah talak *ba'in* tetapi bertukar hukumnya menjadi talak *raj'iy* apabila isteri meminta kembali pemberian kepada suaminya dari balasan yang diberikan, selama mana isteri masih dalam iddah (Ibn Rushd 1960: 602). Berdasarkan pendapat kedua-dua golongan tersebut, nyata bahawa mereka hanya meletakkan ukuran-ukuran tertentu untuk menentukan hukum khuluk sama ada ia sebagai talak *ba'in* atau talak *raj'iy*. Justeru menurut pendapat tersebut, apabila ukuran dan syarat yang sepatutnya ada dalam khuluk tidak ditepati maka diharuskan bagi suami merujuk kembali isterinya.

#### KHULUK SEBAGAI FASAKH

Ibn Abbas, Thawri, Ahmad, Ishak, Abu Thaur dan *qawl* yang lemah dari Imam Shafie berpendapat bahawa khuluk itu hukumnya adalah fasakh. Ia berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan al-Nasa'i daripada Ibn Abbas yang bermaksud:

Bahawa isteri Thabit bin Qais telah datang kepada Nabi s.a.w, ia berkata : Ya Rasul Allah, aku tidak mengingkari Thabit bin Qais disebabkan oleh akhlaknya dan tidak pula kerana agamanya. Tetapi aku benci kekufuran dalam Islam. Maka Rasul s.a.w, bersabda: Apakah kamu sanggup mengembalikan kebunnya? Jawab isteri Thabit : Ya. Lalu Rasul s.a.w, bersabda (kepada Thabit): Terimalah kebun itu dan talakkanlah dia dengan satu talak. (al-Nasa'i t.th: 186)

Jika diteliti, di dalam hadis ini wujud apa yang dikatakan unsur perintah daripada qadi atau hakim supaya perkahwinan itu dibubarkan. Perkara tersebut hanya lazim berlaku dalam fasakh dan bukannya pada talak. Selain itu, pendapat mereka ini juga disandarkan kepada firman Allah s.w.t yang bermaksud:

Talak itu (yang boleh dirujuk) dua kali. Setelah itu boleh rujuk lagi dengan baik atau diceraikan dengan cara yang baik. Dan tidak halal bagi kamu mengambil kembali sesuatu yang telah kamu

berikan kepada mereka, kecuali jika kedua-duanya khuatir tidak dapat melaksanakan aturan-aturan hukum Allah. Maka tidak ada dosa atas keduanya tentang balasan yang diberikan oleh isterinya untuk menebus dirinya (al-Baqarah 2: 229).

Menurut Ibn Qayyim, terdapat tiga faktor menunjukkan khuluk itu sebagai fasakh berdasarkan kepada maksud surah al-Baqarah, ayat 229 tersebut iaitu:

1. Suami tidak boleh merujuk kembali isterinya yang ditalakkan dengan khuluk tetapi berhak merujuknya kembali jika diceraikan dengan talak biasa.
2. Talak dengan khuluk tidak dikira daripada bilangan tiga talak yang ada, sedangkan talak biasa termasuk dalam kiraan tiga talak.
3. Iddah talak dengan khuluk cuma sekali haid, sedangkan idah talak biasa tiga kali suci daripada haid.

Dapat dijelaskan di sini, Ibn Qayyim melihat bahawa di dalam ayat 229 Surah al-Baqarah tersebut mengandungi dua hukum yang berbeza iaitu pertama; yang berkait dengan talak biasa sama ada talak satu, dua atau tiga dan yang kedua; iaitu pembubaran secara khuluk. Kedua-duanya ini sudah pasti memberi kesan yang berbeza kepada jenis idah yang perlu dilalui oleh wanita yang terlibat.

#### TEMPOH IDAH BAGI PEMBUBARAN PERKAHWINAN SECARA KHULUK

Perbincangan tentang tempoh idah dalam kes pembubaran perkahwinan secara khuluk tidak pernah dibahasakan di dalam tajuk-tajuk yang khusus di dalam kitab-kitab fikah. Sebaliknya, jawapan boleh ditemui secara tersirat dalam mengenal pasti sama ada khuluk itu sendiri dalam kategori talak ataupun fasakh. Perbezaan pendapat antara ulama fikah sama ada khuluk itu talak atau fasakh itulah yang telah menimbulkan kesan hukum yang berbeza terhadap idah wanita yang bercerai secara khuluk. Jelasnya, perbezaan tersebut telah mewujudkan dua aliran pendapat dalam menentukan idah kaum wanita yang di khulukkan oleh suaminya. Pendapat-pendapat itu boleh disimpulkan seperti berikut iaitu:

1. Idah selama tiga kali suci.
2. Idah selama sekali haid sahaja

#### IDAH TIGA KALI SUCI

Bagi golongan yang berpendapat bahawa khuluk adalah talak, idah wanita yang bercerai secara

khuluk atau tebus talak itu adalah selama tiga kali suci. Ia berdasarkan kepada firman Allah yang bermaksud:

Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah tunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (al-Baqarah 2: 228).

#### IDAD SATU KALI HAID

Bagi yang berpendapat khuluk itu adalah fasakh pula, mereka menyatakan bahawa tempoh idah bagi wanita yang dikhulukkan adalah selama satu kali haid sahaja. Mereka berhujah bersandarkan hadis riwayat al-Nasa'i tentang perintah Rasulullah s.a.w. terhadap isteri Thabit bin Qais supaya beridah selama satu kali haid.

Maka Rasulullah s.a.w. menyuruh isteri Thabit beridah dengan satu kali haid dan kembali kepada keluarganya (al-Nasa'i t.th: 186).

Selain itu, mereka turut berhujah berdasarkan hadis riwayat dari Rubayyi' binti Mu'awwiz: Bahawa ia telah meminta khuluk dari suaminya pada zaman Rasulullah s.a.w. Maka Rasulullah s.a.w. menyuruhnya atau dia disuruh supaya beridah sekali haid (al-Tirmidhi t.th: 328).

Berdasarkan kepada riwayat-riwayat tersebut, maka para ulama fikah yang mengatakan khuluk itu sebagai fasakh sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, menyimpulkan bahawa tempoh idah bagi wanita yang terlibat adalah selama satu kali haid sahaja dan bukan tiga kali haid seperti dalam kes talak biasa.

#### KHULUK DALAM AKTA DAN ENAKMEN KELUARGA ISLAM NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA DAN PELAKSANAANNYA

Di Malaysia, Undang-undang Keluarga Islam yang telah dan sedang terpakai di negeri-negeri sekarang turut memperuntukkan tentang khuluk atau tebus talak sebagai salah satu cara pembubaran perkahwinan. Namun demikian berdasarkan pemerhatian yang dibuat di Mahkamah Syariah negeri-negeri, khuluk merupakan antara kaedah pembubaran perkahwinan yang tidak banyak dipohon di Mahkamah Syariah. Sebaliknya kaedah yang pembubaran perkahwinan yang paling kerap digunakan adalah menerusi talak biasa sama ada talak yang dilafazkan di dalam mahkamah mahupun talak yang dilafazkan di luar mahkamah yang kemudiannya disahkan di dalam mahkamah.

Bagi negeri Selangor, Perak dan Johor umpamanya, peruntukan tentang khuluk terdapat di dalam seksyen 49(1) Enakmen Keluarga Islam versi terkini di negeri-negeri berkenaan. Jika suami tidak bersetuju menjatuhkan talak dengan kerelaannya sendiri, tetapi pihak-pihak itu bersetuju bercerai dengan cara penebusan atau cerai tebus talak, Mahkamah hendaklah, selepas jumlah bayaran tebus talak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, mengarahkan suami itu melafazkan perceraian dengan cara penebusan dan perceraian itu adalah *ba'in suhgra* atau tidak boleh dirujuk.

Peruntukan ini telah turut menjelaskan tentang kedudukan perceraian menerusi khuluk iaitu sebagai talak *ba'in suhgra*. Ini bermakna, peruntukan tersebut telah mengambil pendapat jumhur ulama fikah iaitu mengkategorikan pembubaran secara khuluk itu sebagai talak *ba'in suhgra* dan tidak boleh rujuk. Pendapat itu juga merupakan pendapat dalam mazhab Shafie (al-Khin 2002: 702) yang menjadi keutamaan di negara ini sebagaimana diperuntukkan di dalam Akta dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri, dalam hal rujukan fatwa.

Ini bermakna sekiranya lelaki berkenaan hendak kembali juga kepada bekas isterinya maka suatu akad perkahwinan yang baru perlu dilakukan setelah tamat tempoh iddah selama tiga kali suci dengan mas kahwin yang baru. Dalam konteks Mahkamah Syariah, walaupun pada dasarnya hakim mempunyai kebebasan untuk berijtihad namun dengan adanya peruntukan sedemikian maka hakim seolah-olah perlu menurut apa yang telah dikanunkan. Dari satu sudut, ia sememangnya memudahkan hakim untuk membuat apa-apa perintah berkenaan tempoh idah yang perlu dilalui oleh isteri yang diceraikan secara khuluk. Walau bagaimanapun semasa hakim yang berkenaan membuat alasan penghakimannya, rujukan-rujukan serta pendapat-pendapat yang dirujuk tetap perlu dibawakan secara jelas.

Dalam kes *Zalina Mohd Yasin lwn. Andra Rahim* (Kes Mal 20 / 97 MTS Johor Bahru) misalnya, mahkamah setelah mendengar hujah dan keterangan kedua-dua pihak, membenarkan defendan menceraikan plaintif secara khuluk. Mahkamah juga menetapkan jumlah khuluk sebanyak RM2000 dan dibayar tunai. Selepas talak khuluk dijatuhkan oleh defendan, mahkamah telah memerintahkan plaintif menjalani idah selama tiga kali suci.

Dalam kes *Fuzita Ahmad lwn Ramlie Latiff* (Kes Mal 266 / 95 MTS Johor Bahru) pula, setelah melalui beberapa sesi perbicaraan dan membuat pertimbangan hujah kedua belah pihak, mahkamah membenarkan defendan menceraikan plaintif secara tebus talak atau

khuluk dengan wang berjumlah RM3500. Mahkamah juga memerintahkan plaintif menjalani tempoh idah selama tiga kali suci berdasarkan peruntukan enakmen serta ketetapan hukum syarak.

Demikian juga, dalam kes *Azizah Utoh lwn Mohd Zaki Sharani* (Kes Mal 1381-13-8-2000). Plaintif yang mendakwa dirinya dikahwinkan atas kehendak keluarga telah menuntut pembubaran perkahwinan secara khuluk atas alasan tiada lagi persefahaman. Pihak defendan bersetuju menceraikan plaintif dengan bayaran tebus talak sebanyak RM5500.00. Setelah lafaz cerai disempurnakan, mahkamah kemudiannya telah menetapkan plaintif perlu beridah selama tiga kali suci. Jelas daripada ketiga-tiga contoh kes di atas bahawa perintah-perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah adalah konsisten dengan peruntukan yang ada di dalam enakmen iaitu perceraian secara khuluk memberi kesan sebagai talak *ba'in sughra* dan wanita yang terlibat perlu beridah selama tiga kali suci.

#### KESIMPULAN

Meskipun kuasa talak di tangan lelaki sebagai seorang suami yang membolehkan mereka memilih sama ada ingin terus bersama isterinya atau menceraikannya, ini tidak bermakna isteri tidak mempunyai apa-apa hak. Sebaliknya kaum isteri juga dikurniakan hak untuk menebus dirinya dari perkahwinan, melalui khuluk jika terdapat sebab-sebab tertentu yang mengharuskannya berbuat demikian. Khuluk merupakan satu bukti bahawa syariat Islam itu adil termasuk dalam hal kekeluargaan dengan mengurniakan hak-hak yang seimbang.

Seperti yang telah dibahaskan, boleh disimpulkan bahawa para ulama fikah berbeza pendapat dalam menentukan sama ada suatu perceraian melalui khuluk termasuk dalam kategori cerai talak atau cerai fasakh. Namun demikian ia sama sekali tidak menjejaskan asal keharusan pensyariatan khuluk itu sendiri. Berhubung tempoh idah wanita yang diceraikan secara khuluk, ia ditentukan berdasarkan kepada kedudukan khuluk itu sendiri.

Bagi golongan yang berpegang bahawa khuluk itu adalah talak maka idah wanita yang terlibat ialah tiga kali suci. Sementara bagi golongan yang berpegang bahawa khuluk adalah fasakh maka idah wanita yang terlibat hanyalah satu kali haid. Di Malaysia, pendapat yang digunakan oleh Mahkamah Syariah dalam menentukan tempoh idah wanita yang bercerai secara khuluk adalah pendapat jumhur ulama yang juga pendapat dalam mazhab Shafie

iaitu wanita berkenaan perlu beridah selama tiga kali suci. Ketetapan tersebut telah dinyatakan terus secara jelas dalam peruntukan-peruntukan tentang khuluk dalam Akta dan Enakmen Keluarga Islam negeri-negeri.

#### RUJUKAN

- Ahmed, K.N. 1984. *Muslim Law Divorce*. Cet 3. New Delhi: Nusrat Ali Nasri.
- al-Bardisi, Muhammad Zakariyya. 1967. *Ahkam Fi al-Ahwal al-Shakhsiyyah al-Islam*. Tab'ah.2. Misr: Dar al-Nahdah al-<sup>o</sup>Arabiyyah.
- al-Dhahabi, Muhammad Husain. 1968. *al-Ahwal al-Shakhsiyyah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. T.tp: Dar al-Kutub al- Hadithah.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak 2004.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 1990.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Johor 2003.
- al-Ghandur, Ahmad. 1967. *al-Talaq*. Misr: Dar al-Ma'arif.
- Hassan Salleh. 1989. *Asas Kekeluargaan Islam Bahasan 4 Mazhab: Shafie, Hanafi, Maliki dan Hanbali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ibn Majah, Muhammad Ibn Yazid. T.th. *Sunan Ibn Majah*. Juz.1. T.tp: Tpt. t.pt.
- Ibn Rushd, Abi al-Walid Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Rushd. 1960. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Mujtahid*. Tab'ah. 3. Juz. 2. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy.
- Idris Ahmad. 1960. *Fiqh al-Shafie*. Jakarta: Penerbit Widjaya.
- al-Jaziri, <sup>o</sup>Abd. al-Rahman bin Muhammad. 2000. *Kitab al-Fiqh <sup>o</sup>Ala al-Madhahib al-Arba'ah*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-<sup>o</sup>Arabiyy.
- al-Kahlani, al-Sayyid al-Imam Muhammad b. Isma'il. 1960. *Subul al-Salam*. Juz. 3. Misr: Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy.
- Kes Fuzita bt. Ahmad lwn. Ramlie b. Latiff* (Kes Mal 266 / 95 – Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) Johor Bahru).
- Kes Zalina bt. Mohd Yasin lwn. Andra b. Rahim* (Kes Mal 20 / 97- Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) Johor Bahru).
- al-Khinn, Mustafa, al-Bugha, Mustafa, al-Sharbajiyy, <sup>o</sup>Ali. 2002. *Al-Fiqh al-Manhajiyy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Arabiyyah.
- al-Nasa'i, Abu <sup>o</sup>Abd al-Rahman Ahmad Bin Shu'aib Bin <sup>o</sup>Ali. T.th. *Sunan al-Nasa'i*, Juz. 6. Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- al-Qurtubi, Abi <sup>o</sup>Abdullah Muhammad. 1967. *al-Jami' al-Ahkam al- Qur'an*. Tab'ah.3. al-Qahirah: Maktabah al-<sup>o</sup>Arabiyyah.
- al-Sabbuni, <sup>o</sup>Abd al-Rahman. 1968. *Mada Hurriyat al-Zawjaiyn fi al-Talaq*. Tab'ah. 2. al-Qahirah: Dar al-Fikr.
- al-Sarakhsi, Shams al-Din. 1324H. *al-Mabsut*. Juz. 6. Misr: Matba'ah al-Sa'diyyah.



- al-Sayyid Sabiq. 1971. *Fiqh al-Sunnah*. Juz. 2. Kuwayt: Dar al-Kitab al-<sup>o</sup>Arabiyy.
- Shalabi, Muhammad Mustafa. 1977. *Ahkam al-Ussrah fi al-Islam, Dirasah Muqaranah Baina Fiqh al-Madhahib al-Sunniyah wa al-Madhab al-Ja<sup>o</sup>fariy wa al-Qanun*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-<sup>o</sup>Arabiyyah.
- al-Sharbiniyy, Sham al-Din Muhammad bin al-Khatib. 1966. *al-Iqna<sup>o</sup> fi Hal al-Alfaz Abi Shuja<sup>o</sup>*. al-Qahirah: Dar Wa Matabi<sup>o</sup> al-Sha<sup>o</sup>bu.
- al-Sharbiniyy, Shams al-Din Muhammad bin al-Khatib. 1997. *Mughniy al-Muhtaj*. Juz. 3. Bayrut: Dar al-Ma<sup>o</sup>rifah.
- al-Tirmidhi, al-Imam al-Hafiz Abi <sup>o</sup>Isa Muhammad bin <sup>o</sup>Isa bin Surah al-Tirmizi. T.th. *Sunan al-Tirmizi*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Zaydan, <sup>o</sup>Abd al-Karim. 2000. *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa Bait al-Muslim fi al-Shari<sup>o</sup>ah al-Islamiyyah*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islamiy wa Adillatuhu*. Juz. 7. Damshik: Dar al-Fikr.
- Prof. Madya Dr. Zaini Nasohah  
Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
e-mail: zbn@ukm.my